



**Teks Perutusan  
Panglima Tentera Laut**

**Hari Ulang Tahun TLDM Ke-86**

**27 April 2020**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Panglima-Panglima, para veteran TLDM, tuan-tuan dan puan-puan, serta warga *the Navy People* yang saya kasihi sekalian.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

dan salam sejahtera.

1. Alhamdulillahi Rabbil A'lamin wa bihi Nastain, Allahuma Solli 'Ala Sayyidina Muhammad Wa'ala A-li Sayyidina Muhammad. Ucapan dan amanat ini secara lazimnya disampaikan semasa Perbarisan Hari Ulang Tahun TLDM setiap tahun. Namun pada tahun ini, ianya disampaikan dengan sedikit kelainan memandangkan keadaan dan situasi COVID-19 membataskan sebahagian pelaksanaan rutin dan aktiviti harian kita. Saya mengambil kesempatan mengucapkan selamat menyambut Hari Ulang Tahun TLDM Ke-86 dengan tema "ARMADA SIAGA, TLDM PERKASA".

2. Masih belum terlambat juga untuk saya mengucapkan selamat berpuasa kepada semua warga *the Navy People* yang beragama Islam. Pastinya ibadah Ramadan yang dilaksanakan pada tahun ini sedikit berbeza dengan tahun-tahun sebelumnya. Jika pada tahun-tahun sebelumnya kita melaksanakan solat terawih di surau atau masjid-masjid, namun pada tahun ini, ianya dilaksanakan bersama keluarga tersayang di rumah berikutan Perintah Kawalan Pergerakan atau PKP yang dilaksanakan pada ketika ini. Keadaan ini juga sekaligus akan menyumbang kepada keutuhan institusi kekeluargaan kita. Marilah kita bersama-sama meningkatkan amalan, ibadah dan doa agar sentiasa beroleh kesejahteraan, kekuatan, keberkatan dan keredhaanNya. In Sha Allah.

### COVID-19

Saudara dan saudari sekalian,

3. Sepertimana yang kita ketahui, dunia kini sedang dilanda pandemik maut yang memberi impak besar dalam segenap aspek seperti ekonomi, kesihatan, keselamatan, kesejahteraan dan sebagainya. Malaysia secara amnya dan TLDM khasnya tidak terlepas dari isu global ini dan sedang menanganinya secara serius.

4. Syukur alhamdulillah, berdasarkan statistik semasa kes positif COVID-19, ianya menunjukkan tiada pesakit COVID-19 daripada warga TLDM dan juga keluarga kita sejak 3 Apr yang lalu. Keadaan ini harus dikekalkan sebaiknya dan kita harus terus berusaha mencegah penularan virus ini. Oleh demikian, saya berharap setiap peringkat bersama-sama melaksanakan langkah pencegahan dan pengesanan awal COVID-19 bagi memastikan warga *the Navy People* bebas dari jangkitan di samping mematuhi segala arahan kerajaan yang berkaitan. Saya juga berharap agar setiap warga menjaga sensitiviti semua pihak samada individu ataupun organisasi dengan tidak menyalahgunakan media sosial sebagai medium penyebaran maklumat yang tidak sah atau palsu. Hal ini tidak akan membantu menyelesaikan masalah malah akan lebih mengeruhkan keadaan.

Saudara dan saudari sekalian,

5. Sebagai barisan hadapan atau *frontliner*, TLDM memainkan peranan penting bagi membantu kerajaan dalam usaha memutuskan rantaian pandemik ini selain pelaksanaan tugas teras untuk menjaga kedaulatan dan keselamatan perairan negara. Justeru, saya menyeru agar warga *the Navy People* kekal fokus dengan tugas dan tanggungjawab masing-masing serta sentiasa positif dalam menghadapi segala kemungkinan yang mendatang.

6. Sejajar penguatkuasaan PKP di bawah pengawasan Majlis Keselamatan Negara, seramai 1200 anggota TLDM terlibat secara langsung dalam Op PENAWAR. Anggota-anggota terlibat ditugaskan dalam pelaksanaan sekatan jalanraya dan rondaan bersama pihak PDRM. Tanggungjawab ini merupakan salah satu daripada tugas yang sedang dilaksanakan pada ketika ini bagi membantu PDRM memperketatkan penguatkuasaan PKP. Sekiranya isu ini berlanjutan, penglibatan anggota akan menjadi lebih besar dan skop operasi mungkin akan menjadi lebih rumit.

7. Bertindak atas risiko penularan COVID-19 di seluruh pelusuk tanah air, TLDM telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan beberapa pusat kuarantin untuk warga yang menghidapi simptom COVID-19 dan diletakkan di bawah pengawasan untuk saringan kesihatan. Sebagai contoh, pusat kuarantin yang dimaksudkan adalah di Bangunan A 33 bagi warga yang berada di sekitar Pangkalan TLDM Lumut dan Bangunan

Transit Pulau Uda di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu. Lain-lain keperluan bagi penubuhan pusat kuarantin sementara ini, tertakluk kepada status semasa kes COVID-19 terhadap warga kita. Kewujudan pusat kuarantin ini adalah amat penting dalam memastikan kemungkinan jangkitan COVID-19 dapat dikawal dengan sebaiknya.

8. Walaupun berdepan risiko COVID-19, operasi TLDM terutamanya penugasan aset di laut masih dilaksanakan secara 24/7 tanpa kompromi. Kapal-kapal dan unit-unit di barisan hadapan perlu melaksanakan rondaan dan pemantauan rapi di kawasan-kawasan operasi yang dipertanggungjawabkan. Selain itu, operasi bersama TDM, TUDM dan agensi-agensi maritim lain seperti APMM dan PDRM sedang giat dirancang bagi menghalang sebarang kemungkinan kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin ataupun PATI khususnya di kala semua negara sedang dilanda kemelut COVID-19 ini. Aset-aset TLDM perlu sentiasa berada dalam keadaan siapsiaga untuk diatur gerak pada ketika ini memandangkan peratus kebarangkalian kemasukan PATI adalah tinggi, selain menjalankan tugas hakiki TLDM demi melindungi kedaulatan dan keselamatan perairan negara.

### **Armada Siaga TLDM Perkasa**

*The Navy People* yang dikasihi sekalian,

9. Selaras perutusan ulung saya terdahulu, tahun 2019 dan 2020 merupakan tahun untuk menangani isu kesiagaan Armada TLDM yang terlaksana berlandaskan 4 teras hala tuju ditetapkan seperti berikut:

**Teras Pertama:** Memberi keutamaan kepada kesiagaan Armada.

**Teras Kedua:** Membangun semula Armada TLDM berlandaskan perancangan Program Transformasi TLDM 15 ke 5 yang diubah suai.

**Teras Ketiga:** Meningkatkan integrasi dan sokongan aspek kebersamaan atau *jointness*,

**Dan Teras Keempat:** Menyedia modal insan terbaik untuk memenuhi keperluan masa hadapan.

10. Justeru, berdasarkan 4 teras tersebut, tema **Armada Siaga, TLDM Perkasa** didapati masih relevan dan dikekalkan pada tahun ini bagi memastikan kesinambungan dan fokus hala tuju tersebut mencapai objektif yang disasarkan.

### **Kesiagaan Armada dan Kesejahteraan Warga TLDM**

Saudara dan saudari sekalian,

11. Dalam memastikan kesiagaan Armada TLDM sentiasa di tahap tertinggi dan memenuhi keperluan operasi, pelbagai projek pembangunan telah dilaksanakan di bawah kategori **Kelengkapan** antaranya adalah perolehan 4 buah *Littoral Mission Ship* atau LMS. LMS pertama TLDM, KD KERIS telah diserahkan pada 31 Disember 2019 dan ditauliahkan pada 6 Januari 2020 yang lalu. KD KERIS kini sedang menjalani latihan kemahiran sebelum beroperasi sepenuhnya. Pembinaan LMS 2 SUNDANG pula telah siap sepenuhnya dan kini menunggu untuk diserahkan kepada TLDM dalam masa terdekat. Baki 2 buah LMS masih di peringkat pembinaan di Wuchang Shipyard, Wuhan China dan dirancang memasuki inventori TLDM secara berperingkat pada bulan Mei dan Ogos tahun 2021.

12. Selain itu, beberapa projek di bawah kategori ini juga sedang dilaksanakan seperti perolehan 6 buah *Littoral Combat Ship*, perolehan 12 buah *Unmanned Aerial System*, perolehan 3 buah Helikopter Operasi Maritim, perolehan 18 buah *Fast Interceptor Craft*, perolehan 8 buah *Special Force Boat* dan perolehan 9 buah *Divers RHIB Boat* bagi memastikan peningkatan keupayaan dan pemodenan armada berlandaskan Teras kedua Direktif Strategik yang digariskan terdahulu.

13. Selain penerimaan inventori baharu, TLDM juga akan melaksanakan *Obsolescence Programme* kepada kapal-kapal dari ketiga-tiga Skuadron *Fast Attack Craft* mulai Mei 2020. Ianya merangkumi skop kerja *Repowering* jentera utama dan janakuasa serta pembaharuan komponen dan peralatan yang mengalami keusangan. Ini kerana Skuadron-skuadron tersebut telah memasuki perkhidmatan TLDM sejak awal 1970an dan rata-ratanya telah melampaui usia 40 tahun. Bagi meningkat daya tempur skuadron ini, penggantian *Combat System* juga akan dilaksanakan bagi memperkuatkannya keupayaan penembakan meriam melalui sistem kawalan yang lebih efisien. Kesemua 14 buah

kapal dari skuadron-skuadron ini secara umumnya dirancang untuk diteruskan perkhidmatan di dalam TLDM bagi tempoh 15 tahun lagi iaitu sehingga tahun 2035.

14. Selain kesiagaan armada, beberapa **Projek Pembinaan** juga telah dilaksanakan seperti Pembangunan Pusat Latihan PASKAL dan Pangkalan TLDM Sg Lunchoo. Kedua-dua projek tersebut telah siap sepenuhnya dan diserahkan kepada TLDM pada 1 Oktober 2019 dan 1 April 2020. Kini TLDM sedang menumpukan pelaksanaan **Projek Perumahan** iaitu pembinaan Rumah Keluarga Angkatan Tentera atau RKAT di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu sebanyak 1036 unit dan Pusat Hidrografi Nasional sebanyak 202 unit dari pelbagai kelas.

15. Sebagai organisasi yang mementingkan kesejahteraan warga, TLDM juga telah mewujudkan Kontrak Senggaraan Rumah Kediaman berkonsepkan *Comprehensive Maintenance* terhadap RKAT di Pangkalan TLDM Lumut dan Kota Kinabalu. Konsep ini merupakan yang pertama di dalam ATM yang memberi fokus kepada elemen senggaraan pembaikan awalan, senggaraan berjadual dan senggaraan *incidental*.

16. Di samping pelaksanaan projek RKAT, TLDM sedang mengambil inisiatif melaksanakan sewaan perumahan secara berkelompok di beberapa kawasan seperti Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau. Beberapa projek sewaan seperti ini juga dirancang untuk diperluas di sekitar kawasan Lembah Klang dan Labuan bagi memenuhi keperluan perumahan warga *the Navy People*.

### **Projek Pembangunan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12)**

17. Komited terhadap pemodenan dan pembangunan keupayaan berlandaskan Program Transformasi 15 ke 5, pelbagai projek pembangunan telah dilaksanakan dan dirancang bermula dengan RMK-11 terdahulu dan dijangka selesai hingga RMK-17 secara berperingkat. Bagi RMK-12 iaitu bagi tempoh 2021 hingga 2025, berikut adalah projek baharu yang dirancang mengikut kategori:

- a. Bagi Kategori **Projek Kelengkapan**, TLDM telah merancang Perolehan 8 buah *Littoral Mission Ship Batch 2*, 2 buah *Multi Roles Support Ship*, 2 buah *Anti-Submarine Warfare Helo*, 5 buah Helikopter Operasi Maritim *Batch 2*, 8 buah *Special Force Boat*

*Batch 2, 12 buah Fast Interceptor Craft Batch 2, 1 set Unmanned Aerial System, Mine Hunting System, Mine Disposal System, Bridge Simulator, Action Speed Tactical Trainer dan projek Pasang Pulih bagi kapal-kapal TLDM.*

- b. Seterusnya bagi kategori **Projek Pembinaan**, TLDM merancang pembinaan Markas Wilayah Laut 4 di Bintulu, pembinaan Markas Wilayah Laut 2 di Sandakan, pembinaan bangunan tambahan bagi Wisma Laskar di PTKK dan juga pembangunan Pusat Latihan Udara TLDM di Sitiawan.
- c. Yang terakhir iaitu bagi kategori **Projek Perumahan**, TLDM juga merancang untuk membina Rumah Keluarga Angkatan Tentera di KD SRI SANDAKAN.

### **Kompetensi Warga**

Saudara dan saudari sekalian,

- 18. Selain meningkatkan keupayaan aset dan pembangunan infrastruktur, TLDM juga komited dalam melahirkan sumber manusia yang kompeten. Ketika ini, Projek *Class Management* sedang dibangunkan di mana ianya memfokuskan kepakaran warga *the Navy People* mengikut 5 kelas kapal yang baharu. TLDM yakin dengan pewujudan projek ini, warga *the Navy people* akan menjadi lebih mahir dan kompeten khususnya di dalam pengendalian kelas kapal masing-masing. Pelaksanaan kursus rintis untuk kelas kapal *Patrol Vessel* dan LMS akan dilaksanakan pada 2021.
- 19. Kursus luar negara turut menjadi antara perkara utama dalam perancangan peningkatan kemahiran warga *the Navy People*. TLDM pada ketika ini sedang menjalankan kerjasama dengan Kedutaan Negara Asing di Malaysia untuk memperluaskan kursus-kursus di luar negara terutamanya kursus kepakaran khusus seperti Pasukan Khas, Penyelam dan *Chemical, Biological, Radiological, Nuclear and Damage Control*. Negara seperti Jerman, Turki dan Korea Selatan merupakan antara negara yang telah menawarkan beberapa siri kursus baharu kepada TLDM. Inisiatif ini akan terus dipergiatkan kepada negara-negara yang lain dan dilihat dapat meningkatkan lagi peluang pegawai dan anggota TLDM untuk menghadiri kursus di luar negara bagi memantapkan lagi pengetahuan serta kemahiran khusus warga yang terlibat.

20. Selain itu, TLDM turut melaksanakan kerjasama dengan pusat-pusat latihan awam bagi memantapkan lagi pembangunan peningkatan kemahiran warganya. Pada ketika ini, dua kontrak latihan bakal dilaksanakan iaitu Kontrak Latihan Penerbangan bersama Pusat Latihan Penerbangan Awam untuk bakal-bakal juruterbang, jurumalim dan jurulatih penerbangan TLDM. Dan yang keduanya, adalah meneruskan Kontrak Latihan Aplikasi Induksi Teknisyen bagi anggota dari Cawangan Kejuruteraan menjalani latihan di pusat latihan awam untuk menampung kekangan kemudahan di Pusat Latihan TLDM.

21. Di samping itu, Program *Recognition of Prior Experiential Learning* atau RPEL telah mula diperkenalkan untuk mengiktiraf kepakaran anggota dari semua cawangan di peringkat kebangsaan melalui kerjasama strategik di antara TLDM dan pihak PERHEBAT. Program ini adalah inisiatif bagi menyeragamkan pengiktirafan yang lebih tersusun dan melayakkan anggota LLP memperolehi Diploma Kemahiran Malaysia sebagai persediaan sebelum melangkah ke alam persaraan.

22. TLDM akan terus berusaha untuk memastikan setiap lapisan warganya diberikan laluan kerjaya yang lebih baik dan juga skim penambahbaikan perkhidmatan yang merangkumi keseluruhan pegawai dan anggota. Inisiatif ini adalah sebagai perangsang kepada semua *the Navy People* untuk terus memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang dan seterusnya membanggakan organisasi yang kita semua sayangi ini.

### **Amanat dan Harapan**

*The Navy People* yang dikasihi sekalian,

23. Walaupun kita masih berjuang memutuskan rantaian COVID-19 dan terikat dengan PKP, kita seharusnya bijak serta kreatif mencari peluang untuk meneruskan perjalanan tugas harian dan rutin yang perlu dilaksanakan sebagai individu atau organisasi di dalam TLDM. Pandemik ini mengajar kita untuk lebih inovatif dalam penggunaan teknologi dari segala aspek seperti operasi, latihan dan sebagainya. Konsep “***life must go on***” perlu diperamati dan pelbagai inisiatif perlu dilaksanakan bagi memastikan segala tugas dan tanggungjawab digalas terlaksana menepati sasaran ditetapkan.

24. Kepada warga TLDM yang berada di kawasan operasi, saya berharap anda semua terus cekal dan tabah dalam melunaskan tanggungjawab terhadap negara. **ANDA SEMUA** sentiasa membanggakan saya. **ANDA SEMUA** telah membanggakan isteri, suami, ibu dan bapa serta keluarga tersayang yang berada di rumah mahupun di kampung halaman. Dan yang paling baik, perkhidmatan dan pengorbanan **ANDA SEMUA**, tidak kira di mana jua **ANDA** bertugas, In Sha Allah dipandang mulia disisi Allah Subhanahu Wata'ala.

25. Bersempena Hari Ulang Tahun TLDM kali ini, saya ingin menyeru seluruh warga *the Navy People* untuk memastikan langkah berikut dilaksanakan sebaiknya:

**Pertama: Sentiasa siap sedia** untuk menghadapi cabaran dan halangan terutamanya menghadapi kekurangan sumber dalam memastikan TLDM sentiasa berada di haluan sebenar selari dengan situasi dan keadaan semasa. Kita harus membuat persediaan rapi bagi menghadapi arus perubahan kehidupan dunia termasuklah kesediaaan untuk melaksanakan tugas di dalam keadaan **Kebiasaan Baharu** atau ***The New Normal***.

**Yang kedua: Penghayatan yang lebih mendalam** terhadap empat nilai teras TLDM iaitu **KEMULIAAN, KESETIAAN, KEBERANIAN dan KEBANGGAAN**. Tanamkan nilai teras ini sebaiknya dalam hati dan sanubari agar setiap tindakan dan tanggungjawab kita sebagai warga Tentera Laut Diraja Malaysia memenuhi kehendak organisasi demi negara tercinta ini.

**Yang Ketiga: Membudayakan amalan tegur menegur** dan ingat mengingati antara satu sama lain. Menasihati dan menegur adalah perbuatan yang sangat baik dan dianjurkan dalam Islam, sememangnya kita sebagai manusia perlu mendapat teguran supaya kita menyedari kesilapan, kesalahan dan kelemahan diri sendiri. Niat kita menegur seseorang itu mestilah betul, demi kebaikan dan bukannya bertujuan untuk menjatuhkan, menghina, mendedahkan aib atau berniat buruk.

**Dan Yang Keempat: Kekal fokus, tenang dan teruskan berdoa** dalam perjuangan kita untuk memutuskan rantai COVID-19 dan seterusnya terus cekal dan tabah dalam melaksanakan tugas yang digalas demi mempertahankan kedaulatan negara agar sentiasa terpelihara.

## **Penghargaan Kepada Semua**

Saudara saudari yang saya kasihi sekalian,

26. Mengambil kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak kerajaan khususnya Kementerian Pertahanan di atas segala usaha dan sokongan padu terhadap inisiatif yang dilaksanakan bagi memenuhi agenda pembangunan, keupayaan dan kesejahteraan warga TLDM.
27. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada saudara seangkatan dari Tentera Darat Malaysia, Tentera Udara Diraja Malaysia, kakitangan awam, jabatan-jabatan kerajaan, rakan-rakan maritim APMM dan PDRM, rakan-rakan strategik dari dalam maupun luar negara, rakan-rakan media dan rakyat Malaysia keseluruhannya kerana memberi sokongan, kepercayaan dan kerjasama erat kepada TLDM dalam menjalankan amanah yang disandang.
28. Saya juga merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada para Veteran TLDM yang telah menjadi acuan dan pemangkin kepada pencapaian dan kejayaan TLDM yang dikecapi pada masa kini.
29. Dan yang paling utama, ucapan terima kasih saya kepada setiap warga *the Navy People* yang sentiasa bersemangat, komited dan bangga mencurahkan khidmat bakti dan ketaatsetiaan yang tidak terhingga terhadap perkhidmatan TLDM khasnya dan negara amnya.
30. Tidak dilupakan juga kepada semua *frontliners* yang sedang berjuang untuk negara pada ketika ini, ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan di atas jasa bakti anda. Teruskan semangat juang yang tinggi dan terus cekal dalam melaksanakan tugas yang murni ini. Pengorbanan anda semua tatkala kita sedang memerangi COVID-19 amat tinggi nilainya kepada negara. ***Be proud of yourself! We are all proud of you too!*** Semoga kita semua sentiasa dilindungi dan mendapat keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. In Sha Allah.

31. Sekian, saya sudahi ucapan dengan lafaz Wabillahitaufik Walhidayah Wasalamualaikum Warahatullahi Wabarakatuh.

**‘Selamat Menyambut Hari Ulang Tahun TLDM Ke-86’,**

**‘Armada Siaga TLDM Perkasa’,**

**‘Stay at Home’**

**‘Stay Safe’**

**‘Kita Jaga Kita’**

**Selamat Menjalani Ibadah Puasa**

**dan**

**Sedia Berkorban**